

~~UCAPAN: ADITO~~

24

~~392 - 11/80~~

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI, DATO

HUSSEIN ONN, DIMAJLIS JAMUAN

NEGERI DI DEWAN UNDANGAN NEGERI

SARAWAK, KUCHING, PADA 27HB APRIL,

1978 - JAM 9.30 MALAM.

1. Y.A.B. Ketua Menteri,
Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul
Rahman Yaakub,
2. Y.B. Menteri-Menteri Persekutuan,
3. Y.B. Timbalan-Timbalan Ketua Menteri,
menteri' a muda
4. Y.B. Menteri-Menteri dan ~~Pembantu-Pembantu Menteri~~,
Negeri Sarawak,
5. Ahli-Ahli Yang Berhormat,
6. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terimakasih
serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada
Kerajaan Negeri Sarawak, terutama kepada Datuk
Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yaakub di
atas penghormatan yang diberikan kepada saya
dan isteri saya pada malam ini. Saya juga
mengucapkan berbanyak terimakasih serta
penghargaan, kepada rakyat Sarawak yang telah

bersusah-payah keluar beramai-ramai mengalu-alukan kedatangan saya ke Kuching. Saya sungguh merasa terharu dengan sambutan yang begitu meriah, dan ianya akan menjadi kenangan manis kepada saya.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan petang tadi,

2. ~~Sesungguhnya~~ sambutan meriah dari rakyat berbilang kaum, membuktikan perpaduan yang memang sedia terjalin di kalangan rakyat. Ia juga membuktikan keyakinan dan kepercayaan mereka terhadap Kerajaan Barisan Nasional *di Sarawak* yang dipimpin *dan juga kerajaan Barisan nasional* oleh ~~Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman~~ *di Semenanjung.* ~~Yaakub di Sarawak, dan juga pucuk pimpinan parti dan Kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur.~~

Saya harap, perpaduan dan persefahaman yang ditunjukkan oleh rakyat pagi tadi, dapat terus dipelihara dan ditingkatkan, supaya Sarawak khasnya, dan Malaysia seluruhnya, dapat terus kekal wujud dalam aman dan bahagia.

3. Sungguhpun inilah pertama kali saya melakukan lawatan resmi ke Negeri Sarawak, sejak saya menjadi Perdana Menteri dua tahun yang lalu, Sarawak dan rakyatnya sentiasa ada di dalam ingatan saya. Saya sentiasa mengikuti setiap perkembangan dan kemajuannya. Banyak perubahan telah berlaku, sejak Sarawak mencapai kemerdekaan, menerusi gabungannya dengan Malaysia, hampir 15

tahun yang lalu. Sekalipun pucuk pimpinannya telah ~~beberapa kali bertukar~~ ganti, rakyat dari berbagai keturunan kaum, tetap teguh dan bersatu padu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

4. Saya memanglah tertarik hati dengan kemajuan dan kejayaan pembangunan yang telah dicapai oleh Sarawak, terutama dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu. Sekalipun negeri Sarawak telah menghadapi berbagai kesulitan, terutama mengenai masalah keselamatan, dan masalah kekurangan infrastruktur, termasuklah kemudahan pelabuhan dan jalanraya,

kejayaan yang telah diperolehinya dalam tempoh yang singkat ini, amatlah cemerlang dan menggalak
kan. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua dalam tahun-tahun ~~1966~~ ¹⁹⁷⁰ / ^{hingga 1975,} ~~1970~~ telah mendatangkan hasil yang amat berkesan. Rakyatnya, sebanyak sedikit, telahpun dapat menikmati faedah dan kesannya. Dalam pelaksanaan projek-projek yang diluluskan dibawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi tahun 1977, Sarawak telah dapat membelanja ~~kan~~ hampir 77 peratus. Dengan usaha yang lebih giat, Sarawak tentu dapat meningkatkan lagi kejayaan ini, yang akan memberi menafaat yang lebih sempurna kepada rakyat negeri ini.

5. Saya berharap, negeri-negeri lain juga dapat mencapai kejayaan yang lebih baik dalam tahun-tahun yang akan datang ini, supaya matalamat Rancangan Malaysia Ketiga, akan dapat dicapai sepenuhnya. Dalam kajian semula yang sedang dijalankan sekarang ini, pelaksanaan dan kejayaan program-program Rancangan Malaysia Ketiga, akan diteliti supaya perubahan-perubahan dapat dibuat dan langkah-langkah yang sesuai diambil, bagi membolehkan pelaksanaan dasar-dasar dan program-program bagi baki tahun-tahun Rancangan Malaysia Ketiga, dapat dilipat-gandakan. Dengan jalan ini, kejayaan yang lebih tinggi, akan dapat diperolehi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Dalam usaha membangunkan Negara, sokongan dan kerjasama yang penuh daripada semua Kerajaan-Kerajaan Negeri, adalah mustahak. Kerajaan Persekutuan pula, akan memberi segala bantuan yang perlu, mengikut kemampuan dan keupayaannya, bagi memastikan Kerajaan-Kerajaan Negeri menjayakan segala rancangan dan projek pembangunan yang telah dirancang. Di bawah Rancangan Pembangunan Wilayah, dasar Kerajaan ialah untuk mencapai perkembangan yang seimbang, dan mengurangkan serta menghapuskan pembangunan yang tidak seimbang diantara negeri-negeri. Negeri-negeri yang dianggap kurang maju seperti Kedah, Perlis,

Kelantan, Trengganu, Sarawak dan Sabah, akan diberi perhatian yang lebih, dalam usaha-usaha pembangunan ini. Sarawak misalnya, telah diberi peruntukan yang ^{besar} ~~agak besar~~ juga, iaitu sebanyak \$1,657 juta dibawah Rancangan Malaysia Ketiga, jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung.

7. Sungguhpun keutamaan dan keistimewaan diberikan kepada negeri-negeri yang miskin, ini bukanlah bermakna keperluan bagi negeri-negeri yang berkemampuan dan sedang maju ^{akan} ~~terus~~ diabaikan. Sebaliknya, dalam masa dua tahun yang lalu,

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan pembangunan tambahan sebanyak \$3,000 juta, bagi melaksanakan projek dan rancangan yang "viable" dan berfaedah dalam negeri-negeri yang maju ini. Ini membuktikan, bahawa Kerajaan Persekutuan sanggup mengadakan dan memberi kelulusan peruntukan pembangunan tambahan, diatas projek dan rancangan yang dianggap penting oleh mana-mana negeri, asalkan projek dan rancangan tersebut, dapat dijayakan dengan sempurna, dan negeri-negeri ^{itu} ~~tersebut~~ benar-benar mempunyai keupayaan dan kemampuan menjayakan pelaksanaannya.

..10/-

8. Dalam Kajian Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, ~~yang sedang dijalankan sekarang ini~~, Kerajaan Persekutuan akan menimbangakan tambahan peruntukan pembangunan ~~yang lebih banyak lagi~~ jika ia berpuashati yang projek dan rancangan boleh dilaksanakan segera dan boleh berjaya, sementara pelaksanaannya pula boleh membawa faedah ekonomi dan sosial yang berguna dan mendatangkan kesan yang baik, kepada segulungan besar rakyat. ~~Oleh itu Kerajaan-Kerajaan Negeri tidak perlu bimbang mengenai masalah kewangan. Sesungguhnya kewangan bukanlah menjadi masalah dalam pembangunan.~~ Masalah yang selalu timbul ialah mewujudkan projek dan rancangan yang benar-benar "viable" dan berfaedah. Projek dan rancangan ~~yang~~

seperti ini
~~benar-benar "viable" dan berfaedah boleh di~~
~~berikan peruntukan kewangan, dengan syarat~~
~~Kerajaan-Kerajaan Negeri mempunyai keupayaan~~
~~dan kemampuan menjayakan pelaksanaannya. Soal~~
~~kewangan bagi membiayainya boleh diusahakan oleh~~
~~Kerajaan Persekutuan.~~

9. Saya sungguh gembira diberitahu bahawa,
 dalam setiap projek ~~yang~~ yang besar ^{yang} hendak
 dirancang dan dilaksanakan di negeri ^{ini,} Kerajaan
 Negeri Sarawak sentiasa merundingkannya terlebih
 dahulu dengan Kerajaan Persekutuan. Persefahaman
 dan kerjasama yang rapat seperti inilah, yang
 patut sentiasa diamal, dipelihara dan dikekalkan
 oleh setiap Kerajaan Negeri. Suasana yang baik,

dan persefahaman seperti ini, akan juga dapat mengeratkan lagi kerjasama dan penyelarasan, serta melicinkan dan meningkatkan lagi persiapan-persiapan yang diperlukan, dalam perancangan sesuatu projek besar, dan tindakan selanjutnya bagi membiayai pelaksanaannya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Sarawak mempunyai potensi yang luas dan besar, dari tanah-tanah hutan belantara yang belum diterokai, serta hasil bumi yang telah diperolehi.

Dengan potensi-potensi ini, prospek masa depan negeri amatlah cerah, dan rakyat bolehlah mengharap^{kan} ~~kan~~ pembangunan yang lebih pesat diselenggarakan oleh Kerajaan.

11. Pengeluaran kayu-kayan, minyak dan gas asli, mewujudkan peluang-peluang yang baik dan luas, kearah penubuhan perusahaan-perusahaan memproses, dan perindustrian-perindustrian yang berkaitan dengannya, yang bukan sahaja akan menambahkan peluang-peluan pekerjaan, bahkan akan dapat meningkatkan kemudahan-kemudahan sosial yang diperlukan oleh rakyat. Inilah yang di rancangkan dalam Pelan Induk bagi kawasan Bintulu—~~Kidurong~~—~~Kidurong~~ Kē-du-rong Tanjung ~~Kidurong~~ yang akan menjadi pusat perkembangan dan pertumbuhan kegiatan ekonomi bagi Sarawak, dalam beberapa tahun yang akan datang ini.

12. Pelabuhan Bintulu, pusat Gas Asli Cecair, projek-projek Alminium Smelting, Urea^{dan} Ammonia, Iron ore Reduction dan Generating plant, hydroelektrik, dan lain-lain rancangan, ~~Lembah Limbang~~ termasuklah cawangan kampus Universiti Pertanian dan Kompleks Perkayuan, adalah diantara projek-projek besar yang akan dilaksanakan.

13. Kerajaan Persekutuan akan terus memberikan bantuan dalam bidang menyediakan perancangan dan pelaksanaan, serta juga kewangan. Memandangkan Sarawak, kukuhnya kedudukan kewangan Negeri, serta potensi-potensi yang boleh menarik minat pelabur-pelabur luar negeri, dan pertubuhan-pertubuhan kewangan

antara bangsa, Kerajaan Persekutuan boleh menggembelingkan peruntukan kewangan yang di perlukan, bagi melaksanakan projek-projek di Sarawak ini.

14. Selain daripada kewangan, projek-projek besar ini memerlukan tenaga pekerja yang ramai, termasuklah pekerja-pekerja mahir. Langkah-langkah telahpun diambil bagi menjamin supaya tenaga pekerja yang cukup diwujudkan dan disediakan, bagi pembangunan rancangan-rancangan di kawasan ^{*Kidurong*} ~~Kindorong~~ ^{*Kē-du-rong*} ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

15. Projek-projek besar di kawasan Bintulu-Tg. ^{*Kidurong kē-du-rong*}
~~Kindorong~~ ini, memakan masa yang agak panjang,
 sebelum ianya dapat memberi kesan bagi meningkat^{*kan*}
~~kan~~ pendapatan dan membaiki keadaan hidup rakyat
 di Sarawak. Kerajaan Negeri mestilah merancang
 dan melaksanakan projek-projek yang boleh
 mendatangkan kesan yang segera, yang boleh
 meringankan beban rakyat yang miskin. Usaha-
 usaha dibidang pertanian, yang boleh menambahkan
 pengeluaran hasil pekebun-pekebun kecil, hendaklah
 juga dipesatkan. Kerajaan Negeri ~~juga~~ ^{*juga*} hendaklah
memberi kawasan-kawasan tanah kepada rakyat yang
 benar-benar tidak mempunyai tanah, dan juga kepada

petani-petani yang mengembara, supaya mereka dapat mengusahakan pertanian secara tetap.

16. Saya juga ^{berharap} ~~harap~~ Kerajaan Negeri, disamping melaksanakan rancangan jangka-panjangnya, memberi keutamaan kepada keperluan-keperluan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman, serta pembangunan pertanian. Saya diberitahu, bahawa Kerajaan Negeri Sarawak, telahpun menjalankan usaha yang luas dalam bidang pembangunan pertanian. Tetapi, apa yang saya maksudkan, ialah supaya Sarawak, dan juga negeri-negeri lain, meningkat serta memesatkan lagi program ini, agar ia dapat

menghasilkan faedah yang lebih berkesan kepada rakyat miskin, iaitu petani-petani dan pekebun-pekebun kecil. Dengan jalan ini, dapatlah kita mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru, bagi mengurang dan menghapuskan jurang perbezaan pendapatan, dan keadaan hidup di kalangan rakyat.

17. Kejayaan matalamat Dasar Ekonomi Baru, bergantung khusus kepada keupayaan kita melaksanakan projek dan rancangan, yang boleh meninggikan pendapatan rakyat miskin, dan mewujudkan kemudahan-kemudahan yang boleh memperbaiki keadaan hidup rakyat gulungan ini. Bagi menjamin hasil pencapaian yang lebih cepat, Kerajaan-Kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang terlibat, hendaklah awal-awal

lagi menyediakan tanah-tanah bagi tapak-tapak setiap projek dan rancangan yang hendak di laksanakan.

18. Saya sukalah menegaskan disini, iaitu sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan sedang dan akan terus menumpukan sepenuh usahanya, terhadap perkembangan ekonomi dan pembahagian pendapatan yang saksama dikalangan semua rakyat, supaya dapat pada akhirnya, membasmi kemiskinan di kalangan penduduk berbilang kaum di negara kita. Dengan jalan ini, keharmonian dan perpaduan yang lebih erat diantara kaum, akan dapat terus dipelihara dan dikekalkan.

19. Inilah hasrat dan cita-cita kita, dan
setiap pemimpin hendaklah menunaikan peranan
dan kewajiban ^{nya} ~~mereka~~ kearah pencapaian matalamat
dan tujuan ini. Dengan jalan ini, ~~saya penuh~~
~~yakin~~, Malaysia yang telah sama-sama kita
tubuhkan dan pertahankan kedaulatan dan
kemerdekaannya, dapat terus kekal wujud kukuh
dan teguh, dan rakyatnya dari berbagai keturunan
dan kaum, terus kekal hidup dalam aman, makmur
dan bahagia.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

20. Akhir^{nya,} saya sekali lagi mengucapkan
berbanyak terimakasih dan penghargaan kepada
sekalian hadirin, kerana memberi penghormatan
kepada saya dimajlis ini. ~~dan seterusnya memberi
peluang kepada saya menyampaikan ucapan yang
agak panjang sedikit.~~

Terimakasih.





No Siri 359
No Penerimaan 152/80